



## ISI KANDUNGAN

Pengenalan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)	1-8
Pencapaian KPI PLH 2018	10
Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia	12
Pencapaian Perkhidmatan Maklumat	13-46
Pencapaian Pembangunan Sumber	47-58
Pencapaian Kualiti	59-61
Peristiwa Penting 2018	62



## PENGENALAN

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan di UTeM khususnya dan negara amnya. PLH berdiri teguh dengan kekuatan cawangan di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah dan Kampus Teknologi. Selaras dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai Universiti Teknikal, PLH mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebarkan maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kepada pengguna. Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal. Sehingga kini, koleksi PLH telah melebihi **123, 109** judul bahan yang merangkumi buku, jurnal, audio visual dan media elektronik. Perkhidmatan dan operasi perpustakaan disokong oleh sistem berkomputer perpustakaan. Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan. Perpustakaan Laman Hikmah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan misi perpustakaan iaitu menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong Visi dan Misi Universiti.



## OBJEKTIF

Memenuhi keperluan maklumat Universiti dengan menyediakan sumber yang menepati keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.

Menyedia dan mempromosi perkhidmatan maklumat kepada pelanggan

Meningkatkan kecekapan penyebaran ilmu dan maklumat kepada pelanggan

Memupuk budaya ilmu di kalangan warga UTeM dan luar UTeM sebagai masyarakat berpengetahuan

Membentuk warga Universiti berfikiran kreatif dan inovatif dalam melahirkan ahli profesional yang berketrampilan seiring dengan misi UTeM.

اوننورسته، تکنیکل، ملسا ملاک

## PIAGAM PELANGGAN

Kami warga Perpustakaan Laman Hikmah berjanji dan beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat dan berkualiti dengan mengutamakan kepuasan pelanggan.

## DASAR KUALITI

Perpustakaan Laman Hikmah komited untuk memberikan perkhidmatan secara profesional, efisien, berkualiti dan mesra pengguna dengan mengutamakan kepuasan pelanggan serta berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan.

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari semasa ke semasa seperti berikut :

## OBJEKTIF KUALITI


- Memastikan 90% bahan rujukan yang diproses dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penerimaan dikeluarkan daripada Bahagian Pembangunan Koleksi
- Memastikan 95% jumlah pertanyaan pengguna melalui emel rasmi Perpustakaan dijawab dalam tempoh tiga (3) hari bekerja
- Memastikan borang aduan/cadangan pelanggan yang diterima diberi maklumbalas dalam tempoh tiga (3) hari bekerja
- Memastikan 90% bahan yang dimohon melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) diperolehi dalam masa sepuluh (10) hari waktu bekerja
- Memastikan 90% staf mencapai 42 mata CPD (Pembangunan Profesional Berterusan)
- Memastikan keberkesanan pengoperasian Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu (LMS) mencapai 99.5%
- Memastikan 5% peningkatan bilangan pengunjung fizikal dan portal Perpustakaan

## STRUKTUR ORGANISASI 2018



Pengurusan PLH adalah merangkumi PLH di Kampus Induk, cawangan Kampus Bandar dan Teknologi. Struktur organisasi PLH diterajui oleh Ketua Pegawai Maklumat, 1 Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan dibantu oleh dua (2) Timbalan Ketua Pustakawan. Terdapat 3 (tiga) bahagian, empat (4) seksyen dan dua belas (12) unit kecil yang diketuai oleh Ketua Seksyen.

# STRUKTUR ORGANISASI PLH 2018



# PENCAPAIAN KPI 2018





## PENCAPAIAN KPI

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menetapkan 11 KPI bagi tahun 2018. Rajah di atas menunjukkan pecahan KPI yang terdiri 4 perkara utama iaitu:

- a) Visibiliti – terdapat 3 KPI
- b) Inisiatif – terdapat 3 KPI
- c) Penganjuran aktiviti – terdapat 4 KPI
- d) Dasar dan Garis Panduan – terdapat 1 KPI

Pencapaian KPI PLH secara keseluruhan adalah 91 %





# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PLH terdiri daripada Bangunan Perpustakaan Kampus Induk, Bangunan Perpustakaan Kampus Cawangan Bandar dan Kampus Teknologi. Jumlah keseluruhan staf PLH sehingga tarikh 31 Disember 2018 adalah seramai 61 orang

Pecahan mengikut staf adalah seperti berikut :

<b>KAMPUS INDUK</b>	54
<b>KAMPUS TEKNOLOGI</b>	4
<b>KAMPUS BANDAR</b>	3

## PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Bagi tahun kewangan 2018, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) menerima peruntukan sebanyak RM 463,000.00 bagi bajet mengurus dan RM 3,400,000.00 adalah bajet komited. PLH telah membelanjakan sebanyak RM 2,116,457.37. Agihan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti jadual di bawah.

Prestasi Perbelanjaan PLH 2018

### a) Peruntukan

- Gaji dan emolumen RM15,000.00
- Perkhidmatan dan Bekalan RM 328,000.00
- Aset dan Inventori RM 120,000.00
- Pangkalan Data dan Bahan Bercetak RM RM 3,400,000.00

### b) Perbelanjaan

- Gaji dan emolumen RM14,045.06
- Perkhidmatan dan Bekalan RM 73,274.86
- Aset dan Inventori RM 66,188.00
- Pangkalan Data dan Bahan Bercetak RM RM 1,962,949.45



**PENCAPAIAN PERKHIDMATAN  
MAKLUMAT**

اونيورسيتي تیکنیکل ملیسیا ملاک

---


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SISTEM PEMBEKALAN PENERBITAN (SPP)


Perkhidmatan ini bertujuan membantu pengguna memperoleh bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan Laman Hikmah sama ada di dalam negeri atau di luar negara. Perkhidmatan ini terbuka kepada pelajar dan staf UTeM.

**Jadual 1: Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)**

Kategori		Perkara	2017	2018	Pencapaian
<b>Buku</b>	Permohonan UTeM	Bilangan Pemohon	31	44	13
		Jumlah Permohonan	43	44	1
	(Dibekalkan Institusi Luar)	Pembekalan Buku	38	27	(11)
		Permohonan Bilangan Pemohon	17	12	(5)
		Permohonan Jumlah Permohonan	21	12	(9)
		Permohonan Pembekalan Buku	15	9	(6)
<b>Artikel</b>	Permohonan UTeM	Bilangan Pemohon	174	358	184
		Jumlah Permohonan	342	358	16
	(Dibekalkan Institusi Luar)	Pembekalan Artikel	255	314	59
		Permohonan Bilangan Pemohon	98	115	17
		Permohonan Jumlah Permohonan	201	115	(86)
		Permohonan Pembekalan Artikel	113	66	(47)



Rajah 1: Permohonan Buku dan Artikel Dibekalkan oleh Institusi Luar



Rajah 2: Pembekalan Buku dan Artikel oleh Perpustakaan Laman Hikmah

Program Pendidikan Pengguna (PPP) adalah program bimbingan khusus mengenai penggunaan perkhidmatan dan kemudahan di Perpustakaan Laman Hikmah. Program ini turut memberi panduan dalam aspek pencarian maklumat dengan menggunakan pelbagai sumber rujukan secara optimum di Perpustakaan Laman Hikmah khususnya pangkalan data atas talian. Ia berkonsepkan kelas interaktif kerana pengguna berpeluang mempraktikkan apa yang dipelajari dengan bimbingan Pustakawan di Bilik Pangkalan Data. Program ini terbuka kepada semua pengguna khususnya pelajar dan staf akademik baharu, pelajar tahun akhir dan penyelidik. Terdapat lima (5) modul yang disediakan iaitu:

- i) Pangkalan Data Atas Talian
- ii) WebOPAC dan Akaun Pengguna
- iii) Turnitin
- iv) Portal Perpustakaan Laman Hikmah, Kemudahan dan Perkhidmatan
- v) Pencarian maklumat untuk Pelajar/Pembantu Penyelidik (GRA/RA/SRA)

**Jadual 2: Program Pendidikan Pengguna**

Jumlah	2017	2018	Pencapaian
Sesi	63	43	(20)
Peserta	1,606	772	(834)

**Jadual 3: Program Pendidikan Pengguna Mengikut Kategori**

Tahun	Jumlah Keseluruhan Sesi/Orang	Kategori PPP		Perincian
		Umum	GRA/SRA/RA	
2018	43 kelas/ 772 pelajar	34 kelas/ 761 pelajar	9 kelas/ 11 pelajar	<p><b>Umum:</b> 22 kelas Ijazah (588 pelajar) 4 kelas Master (10 pelajar) 1 Kelas PHD (2 pelajar) 3 kelas Pelajar Pesisir (56 pelajar) 4 kelas Keahlian Luar (105 pelajar)</p> <p><b>GRA/SRA/RA :</b> 9 kelas (11 pelajar)</p>
2017	63 kelas/ 1606 pelajar	51 kelas/ 1574 pelajar	12 kelas/ 32 pelajar	<p><b>Umum:</b> 4 kelas Diploma (195 pelajar) 40 kelas Ijazah (1258 pelajar) 5 kelas Master (21 pelajar) 1 Kelas Pelajar Pesisir (20 pelajar) 1 kelas PascaSiswazah Baharu (80 pelajar)</p> <p><b>GRA/SRA/RA :</b> 12 kelas (32 pelajar)</p>

## AKTIVITI CERAMAH PERKONGSIAN MAKLUMAT AGENSI LUAR

### a) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Negeri Melaka

Perpustakaan Laman Hikmah komited menjalin hubungan kerjasama yang baik dengan agensi-agensi kerajaan disekitar Melaka antaranya PLH telah berjaya mengadakan program cearmah kesedaran dan perkongsian informasi maklumat perkhidmatan agensi kerajaan seperti dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Negeri Melaka dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) cawangan Melaka.

Pada 9 Oktober 2018, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Negeri Melaka telah menganjurkan SKMM Talk @ Library bertajuk 'Klik Dengan Bijak' di Bilik Tayangan, Aras 2, PLH. Aktiviti anjuran Unit Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Rujukan, ini dihadiri oleh 70 orang peserta daripada staf dan pelajar UTeM, pelajar Kolej Yayasan Saad (KYS) dan pelajar Kolej Vocasional Melaka Tengah (KVMT).



SKMM Talk @ Library pada 9 Oktober 2018

## **b) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) cawangan Melaka**

Aktiviti penganjuran program ceramah dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) cawangan Melaka telah diadakan pada 03 April 2018. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakand dari warga UTeM terutamanya dikalangan staf UTeM.

Panganjuran program ini adalah bertujuan memupuk kesedaran dan memberi pendedahan maklumat berkaitan E-filing kepada staf dan pelajar. Di antara objektif *talk show* ini adalah bagi menjalin kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi kerajaan bagi meningkatkan hubungan dengan komuniti di samping mempromosi perkhidmatan Perpustakaan kepada warga universiti, agensi kerajaan dan masyarakat luar.



**Sekitar pendaftaran program LHDN@Library pada 03 April 2018**



**LHDN@Library pada 03 April 2018**



## PAMERAN

Unit Perkhidmatan Pelanggan bertanggungjawab mengadakan pameran bagi tujuan memberi kesedaran maklumat semasa dan mempromosikan perkhidmatan serta kemudahan Perpustakaan kepada warga UTeM. Enam agensi dan CoE terlibat untuk berkongsi maklumat serta pendedahan kepada warga universiti iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bahagian Promosi Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri Melaka, CoE-CeRIA, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri (JKKN) Negeri Melaka.

**Jadual 4: Pameran Perpustakaan Laman Hikmah Mengikut Kategori**

Kategori Pameran	Tahun		Pencapaian
	2017	2018	
<b>Pameran Dalaman</b>			
Pameran Informatif @ Navigator	25	20	(5)
Pameran Fizikal	1	17	16
Pameran Agensi Luar	3	6	3
Pameran Atas Talian	-	19	19
Pameran @ Papan Kenyataan	19	14	(5)
Hebahan wording @ LED Board*	31	-	(31)
<b>Jumlah</b>	<b>79</b>	<b>76</b>	<b>(3)</b>
<b>Pameran Luar</b>			
Pameran/Roadshow@Fakulti/Program Universiti	2	2	
Pameran Luar Perpustakaan Laman Hikmah (Komuniti)	2	1	(1)
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>(1)</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>83</b>	<b>79</b>	<b>(4)</b>

*Nota: Bermula November 2017 & tahun 2018, aktiviti hebahan wording@LED Board telah diserahkan kepada Unit Promosi, Seksyen Rujukan.*

## LAWATAN AKADEMIK KE PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Perpustakaan Laman Hikmah menerima lawatan daripada **17 buah agensi** termasuk sekolah rendah dan menengah, kolej dan universiti awam/swasta dari dalam dan luar negara dengan jumlah **512 orang pelawat** berbanding 882 orang pelawat pada tahun 2017, iaitu menurun sebanyak 370 orang pelawat.

Jadual 5 : Lawatan

Jumlah	2017	2018	Pencapaian
Agensi	25	17	(8)
Pelawat	882	512	(370)

Perpustakaan juga telah menerima dua (2) kunjungan lawatan bertaraf Antarabangsa iaitu dari **Macau Academic Library Alliance (MALA)** dan **International Federation Library Association (IFLA)**.



Kemeriahan sambutan daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka menerima kunjungan daripada delegasi IFLA 2018

**Jadual 6: Lawatan IPT/Sekolah/Institusi Dalam & Luar Negara**

Bil.	Tarikh	Organisasi/Agensi /Institusi	Kategori Lawatan	Pelajar	Guru Pengiring/Staf	Jumlah
1)	05/02/2018	Institusi LP3i, Indonesia & KYS	Penanda Aras	-	8	8
2)	23/02/2018	Majlis Mahasiswa Luar Kampus, UMT	Umum	35	1	36
3)	10/04/2018	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	Penanda Aras	-	5	5
4)	24/04/2018	UiTM Rembau	Umum	4	-	4
5)	02/08/2018	Kolej Vokasional Melaka Tengah	Penanda Aras	-	4	4
6)	03/08/2018	Sek. Men. Keb Kijal, Kemaman	Umum	75	6	81
7)	17/08/2018	Sek. Keb. Bukit Piatu, Bentong	Umum	36	6	42
8)	27/08/2018	Macau Academic Library Alliance (MALA)	Penanda Aras	-	20	20
9)	30/08/2018	IFLA	Penanda Aras	-	71	71
10)	13/09/2018	Sek. Keb. Paya Jakas	Umum	40	4	44
11)	19/09/2018	Kolej Yayasan Pelajaran Johor	Penanda Aras	-	3	3
12)	13/10/2018	SMK Kuala Krau, Temerloh	Umum	80	8	88
13)	27/10/2018	SMK Kuala Krau, Temerloh	Umum	25	5	30
14)	31/10/2018	SK Tanjong Puteri, Johor	Umum	36	4	40
15)	13/11/2018	Lawatan UCAM	Penanda Aras	-	5	5
16)	22/11/2018	Lawatan Penanda Aras Politeknik Melaka	Penanda Aras	-	16	16
17)	21/12/2018	Persatuan Pustakakawan Malaysia (PPM)	Penanda Aras	-	15	15
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>512</b>

## PROMOSI

Pelbagai promosi dilaksanakan oleh Unit Promosi melalui emel Info Laman Hikmah dan media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, Youtube* dan *Blog* bagi hebahan aktiviti, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Laman Hikmah kepada semua pengguna dari semasa ke semasa. Sebanyak **156 makluman telah dikeluarkan pada tahun 2018** berbanding 140 makluman dikeluarkan pada tahun 2017 melalui emel Info Laman Hikmah, iaitu meningkat sebanyak 16 hebahan makluman. Makluman yang dikeluarkan bagi tujuan promosi ini adalah mengikut kesesuaian dan aktiviti semasa yang berlangsung sepanjang tahun 2018. Bagi promosi melalui media sosial pula, sebanyak **1,145 status** atau *post* telah dimuatnaik pada tahun 2018 berbanding 1,048 status dimuatnaik pada tahun 2017, iaitu meningkat sebanyak 97 status.

Jadual 7: Promosi Melalui Emel & Media Sosial Perpustakaan Laman Hikmah

Bil	Tahun	Status/Post	Pencapaian
1)	2018	1,301	113
2)	2017	1,188	

Jadual 8: Kategori & Pengikut Media Sosial

Bil	Kategori Media Sosial	Jumlah Pengikut 2017	Jumlah Pengikut 2018	Pencapaian
1)	Facebook	2,905	2,971	66
2)	Twitter	653	719	66
3)	Instagram	315	476	161

## EMEL RASMI PERPUSTAKAAN

Unit Promosi turut bertanggungjawab menguruskan maklum balas pertanyaan daripada pengguna melalui emel rasmi Perpustakaan iaitu [lamanhikmah@utem.edu.my](mailto:lamanhikmah@utem.edu.my) yang merangkumi soalan berkaitan pencarian maklumat, akaun pengguna, WebOPAC, kertas peperiksaan, pangkalan data, ez-proxy, Turnitin, perkhidmatan dan lain-lain. Bagi tahun 2018, sebanyak **142 pertanyaan** telah direkodkan berbanding 69 pertanyaan pada tahun 2017, iaitu meningkat sebanyak 73 pertanyaan.

**Jadual 9 : Pertanyaan Melalui Emel Rasmi Perpustakaan Laman Hikmah**

Tahun	Pertanyaan	Pencapaian
2018	80*	11
2017	69	

Nota: Jumlah ini tidak termasuk 62 pertanyaan/semakan Turnitin

**Jadual 10: Jenis Pertanyaan Pengguna**

Bil	Jenis Pertanyaan	Jumlah
1)	Kertas Peperiksaan	1
2)	User Account	9
3)	Pangkalan Data	5
4)	Pencarian Buku/Maklumat	4
5)	Ez-Proxy	36
6)	<b>Turnitin</b>	<b>62</b>
7)	Kemudahan/Perkhidmatan Perpustakaan	13
8)	Lain-lain	12
9)	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>142</b>

## ASK A LIBRARIAN

Unit Promosi turut berperanan menguruskan pertanyaan pengguna melalui Perkhidmatan *Ask A Librarian* iaitu satu medium komunikasi maya antara pengguna perpustakaan dan Pustakawan melalui kaedah *chatting*. *Ask A Librarian* juga telah menggantikan Perkhidmatan Meja Penasihat Pengguna (MPP) sepenuhnya kerana dilihat lebih mesra, *trend* terkini, cepat dan mudah di akses. Sebanyak **16 pertanyaan** diajukan pada tahun 2018 berbanding 32 pertanyaan pada tahun 2017 iaitu menurun sebanyak 50% daripada pertanyaan tahun sebelumnya.

Jadual 11: Pertanyaan Pengguna

Tahun	Pertanyaan	Pencapaian
2018	16	(16)
2017	32	

Jadual 12: Pertanyaan MPP Mengikut Kategori

Bil.	Kategori Pertanyaan	Jumlah
1)	WebOPAC	1
2)	Pencarian Buku/Maklumat	3
3)	Kemudahan/Perkhidmatan Perpustakaan	7
4)	Turnitin	1
5)	Lain-lain	4
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>16</b>

## PENGANJURAN AKTIVITI PLH DAN READ@UNI

### “Program Jom Baca Bersama 10 Minit”

Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan merupakan acara tahunan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Se-Malaysia (MPAM), Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri. Program ini diadakan bertujuan menyemai minat membaca di kalangan masyarakat khususnya warga UTeM. Program selama 10 minit ini telah berlangsung pada **24 April 2018 (Selasa)** bertempat di Ruang Santai, Perpustakaan Laman Hikmah dan sekitar kampus UTeM. Bagi tahun 2018, **seramai 243 orang staf dan pelajar UTeM** telah mengambil bahagian dalam program ini. Bersempena dengan program ini juga, turut diadakan adalah Kuiz Jom Baca dan *Snap & Win Contest*.



## “Program Sembang Santai Bersama Penulis Buku Nisah Haron”



Program Sembang Santai Bersama Penulis Buku Nisah Haron telah diadakan pada **24 April 2018** bertempat di Ruang Santai, Perpustakaan Laman Hikmah. Program ini telah disampaikan oleh penulis terkenal iaitu Puan Nisah Binti Haron dengan topik "Sastera Dalam Kehidupan: 4 Genius Melayu" bagi menyokong galakan membaca dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat khususnya di kalangan warga kampus. **Seramai 82 orang staf UTeM dan pelajar** termasuk jemputan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Mutahir telah menghadiri program yang berlangsung selama satu jam ini. *اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك*





## "Seminar Penulisan Viral @ Media Sosial"

Perpustakaan Laman Hikmah mengambil inisiatif untuk menganjurkan seminar ini dengan menjemput pakar dalam penulisan viral bagi berkongsi kepakaran dan pengalaman beliau dalam memanfaatkan penggunaan media sosial secara bijak, meningkatkan kemahiran dan penulisan di media sosial, memberi tips dalam membuat ulasan isu trending, viral, tips penulisan sosial content dan lain-lain. Seminar yang mengambil masa selama tiga jam ini telah berlangsung pada **14 Mei 2018** bertempat di Auditorium, Canselor UTeM dan telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Tuan Wan Khairul Hakim Bin Haji Wan Muhammad. Seramai 52 orang termasuk staf dan pelajar UTeM serta peserta luar UTeM telah menyertai seminar ini dengan jayanya.



Suasana sekitar program Seminar Viral pada 14 Mei 2018

## “Read@Uni”

Program Read@Uni merupakan program di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan menghidupkan kembali Kempen Membaca Kebangsaan bermula tahun 2018 sehingga tahun 2020 bagi mewujudkan negara membaca pada tahun 2030 melalui perpustakaan di semua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta bermula **1 Oktober 2018**. Objektif penganjuran program ini adalah untuk mempergiat aktiviti galakan membaca di kalangan mahasiswa, pensyarah dan warga institusi. Slogan “With Knowledge We Lead” diyakini akan dapat menyemarakkan lagi pembacaan dalam kalangan kumpulan sasaran. Justeru itu, bagi tahun 2018 Perpustakaan Laman Hikmah telah melaksanakan tiga aktiviti di bawah program ini seperti berikut:

BULAN	AKTIVITI
Oktober	<i>Advanced Research: Guide to Getting Published</i>
November	Kuiz Uji Minda
Disember	<i>Highest Reader Award 2018</i>



## Seminar Statistics Talk: "Statistik Memperkasa Cendekiawan"

Sempena sambutan Hari Statistik Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia Zon Selatan dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah menganjurkan seminar bertajuk "Statistik Memperkasa Cendekiawan" pada **18 Oktober 2018 (Khamis)** bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi, UTeM. Seramai 248 peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri daripada staf dan pelajar UTeM, UTHM, KYS serta wakil DOSM Zon Selatan. Seminar ini merupakan sebahagian daripada pengisian program "Road to Hari Statistik Negara 2018" yang akan diadakan pada 20 Oktober 2018.

Antara objektif penganjuran seminar ini adalah mengenali Jabatan melalui penerangan tentang fungsi, peranan dan kepentingan DOSM dalam penjaan statistik rasmi, meningkatkan literasi dan celik statistik di kalangan warga UTeM, meningkatkan pendedahan mengenai Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020 serta mempromosikan aktiviti DOSM.

Bagi Bicara Stats, sebanyak empat kertas seminar telah dibentangkan oleh wakil dari DOSM iaitu Mengenali Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), *My Local Stats*, *How to Make Statistic Interesting* serta Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Selain itu, pameran mini DOSM Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Banci 2020 serta Perpustakaan Laman Hikmah turut diadakan di ruang legar Dewan UTeM 1.



Suasana sekitar program Seminar Statistik Talk

## LAPORAN PENERBITAN UTeM

Perpustakaan Laman Hikmah telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan maklumat penerbitan staf UTeM di Scopus dan Web of Science (WoS). Data penerbitan ini merangkumi jurnal terindek Scopus dan WoS. Bilangan penerbitan bagi tahun 2018 adalah sebanyak **783 judul** berbanding dengan 641 judul bagi tahun 2017, iaitu peningkatan sebanyak 142 judul (22%).

**Jadual 13: Penerbitan Jurnal**

	2017	2018	Pencapaian
Web of Science	30	27	(3)
SCOPUS	611	756	145
JUMLAH	641	783	142

## PENGAUDITAN UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKING

*UI GreenMetric World University Ranking 2018* adalah inisiatif Universitas Indonesia yang telah dilancarkan pada 2010 yang mana ianya merupakan kaedah yang digunakan untuk memberikan penghargaan kepada ribuan universiti di seluruh dunia dalam usaha mengurangkan *carbon footprint* dalam perubahan iklim global. Bagi tahun 2018, UTeM mendapat kedudukan **ke-148 daripada 719 universiti** yang melibatkan 91 negara seluruh dunia. Unit Bantuan Penyelidikan bertanggungjawab menguruskan maklumat penerbitan iaitu *Number of scholarly publications on environment and sustainability* dalam salah satu kriteria *UI GreenMetric World University Ranking*



## PERKHIDMATAN TEMUJANJI PENYELIDIKAN

Aktiviti utama dalam Unit Bantuan Penyelidikan adalah memberi perkhidmatan temujanji penyelidikan (Research Consultation) iaitu membantu, memberi panduan dan maklumbalas penyelidikan. Pengguna diberi pilihan menggunakan beberapa kemudahan komunikasi seperti telefon, emel, temubual dan bersemuka (face-to-face). Sepanjang tahun 2018, Unit Bantuan Penyelidikan telah menerima sebanyak **29 permohonan** bantuan penyelidikan daripada staf akademik mahupun pelajar pasca siswazah. Bilangan ini menunjukkan penurunan sebanyak 51% (31 permohonan) berbanding tahun 2017 (60 permohonan) kerana menggunakan indikator baharu iaitu pertanyaan, panduan dan kemusykilan yang berkaitan dengan perkara penyelidikan sahaja yang diambil kira.

**Jadual 14: Perkhidmatan Temujanji Penyelidikan**

	2017	2018	Pencapaian
Bilangan Permohonan	60	29	(31)

## PEMPAKEJAN MAKLUMAT

Perkhidmatan Pempakejan Maklumat (Information Packaging) disediakan untuk staf akademik, penyelidik dan pelajar pasca siswazah bagi membantu dan memenuhi sumber rujukan bahan berimpak tinggi. Sepanjang tahun 2018, sebanyak **41 permohonan** telah diterima. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 11% (4 permohonan) berbanding tahun 2017 (37 permohonan). Permohonan tertinggi adalah dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) iaitu sebanyak 24 permohonan.

**Jadual 15: Pempakejan Maklumat**

Tahun	Permohonan	Pencapaian
2018	41	4
2017	37	

**Jadual 16: Pempakejan Maklumat Mengikut Fakulti**

Bil.	PTj/Fakulti	Akademik	Pasca Siswazah	Pra Siswazah	Jumlah
1)	FKP	2	1	21	24
2)	FTKEE	4	0	2	6
3)	FKM	0	3	0	3
4)	FPTT	0	2	1	3
5)	FKE	0	2	0	2
6)	IPTK	0	2	0	2
7)	FKEKK	0	1	0	1
<b>JUMLAH</b>		<b>6</b>	<b>11</b>	<b>24</b>	<b>41</b>

## AKTIVITI PERKONGSIAN & PENYEBARAN MAKLUMAT

Bagi menyokong kecemerlangan akademik dan penyelidikan, aktiviti perkongsian dan penyebaran maklumat dilaksanakan dengan mengadakan latihan pangkalan data, demonstrasi pangkalan data baru, bengkel penerbitan dan kursus kemahiran maklumat. Aktiviti ini merupakan kerjasama daripada pihak pembekal pangkalan data dan Fakulti serta CoE bagi melonjakkan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi Universiti.

**Jadual 17: Aktiviti Perkongsian dan Penyebaran Maklumat**

	2017	2018	Pencapaian
<b>Peserta</b>	187	331	144
<b>Sesi</b>	8	15	7

**Jadual 18: Aktiviti Perkongsian dan Penyebaran Maklumat**

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Lokasi	Peserta
1)	31/01/2018	Roadshow & Sesi Dialog TNCPI Bersama Fakulti & CoE oleh Pejabat TNCPI	Bilik Mesyuarat FKE	39
2)	25/03/2018	Taklimat Pelajar Baru Pasca Siswazah	Auditorium PPS	32
3)	25/04/2018	Library Outreach: Turnitin & Scopus (FKP)	Bilik Pangkalan Data, PLH	1
4)	05/02/2018	Library Outreach: Turnitin & Scopus (FPTT)	Smart Lab, FPTT	8
5)	22/05/2018	Library Outreach: Turnitin & Scopus (PBPI)	Bilik Pangkalan Data, PLH	8
6)	17/07/2018	Sesi Khas Kemaskini URIS bersama PPPK & Perpustakaan Laman Hikmah	Bilik Mesyuarat, FKE	20
7)	15/08/2018	Bengkel Mengemaskini Data MyRA CeTRI di URIS Bersama PPPK	Makmal Kejuruteraan Komputer, FKEKK, UTeM	15
8)	18/09/2018	Sesi Mengemaskini Data Penyelidikan Dalam Sistem URIS Bersama Wakil PPPK & Perpustakaan Laman Hikmah	Bilik Mesyuarat 3, FKM	20
9)	27/09/2018	Secret Revealed: How to get published in high impact scientific journals workshop	Bilik Jamuan, Dewan Canselori	56
10)	21/11/2018	Library outreach - FKM	Bilik Makmal 2, FKM	3
<b>JUMLAH</b>				<b>202</b>

## DEMONSTRASI DAN LATIHAN PANGKALAN DATA

Unit Bantuan Penyelidikan telah mensasarkan lima (5) kali pelaksanaan demonstrasi dan latihan pangkalan data bagi tahun 2018. Bilangan kehadiran peserta sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak **129 peserta** berbanding tahun 2017 (187 peserta). Bilangan penurunan sebanyak 31% (58 peserta) kerana pertindihan aktiviti anjuran Perpustakaan Laman Hikmah dan Universiti pada tarikh yang sama.

**Jadual 19: Demonstrasi dan Latihan Pangkalan Data**

	2017	2018	Pencapaian
<b>Peserta</b>	187	129	(58)
<b>Sesi</b>	8	5	(3)



**Jadual 20: Senarai Demonstrasi dan Latihan Pangkalan Data**

Bil.	Tarikh	Aktiviti
1)	16/01/2018	Turnitin Training
2)	27/02/2018	Science Direct & Scopus Training
3)	23/05/2018	Emerald Training
4)	08/08/2018	Turnitin Training
5)	14/11/2018	Guide to getting publish

## One Stop Centre (OSC) Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

One Stop Centre (OSC) adalah berkonsepkan kemudahan pusat sehenti di mana Kaunter Sirkulasi Perpustakaan turut menawarkan beberapa perkhidmatan dari PTj lain seperti Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar. OSC telah memulakan operasinya pada 18 Disember 2018.

Ia merupakan inisiatif sistem penyampaian perkhidmatan penambahbaikan perpustakaan dengan lebih efisien dan komprehensif. OSC ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pengguna khususnya pelajar yang berkunjung ke perpustakaan dapat berurusan dengan pelbagai perkhidmatan dari PTj lain di bawah satu bumbung. Ia ternyata menjimatkan masa dan tenaga dalam urusan seharian di kampus.





## PENGENALAN

Seksyen Sirkulasi adalah yang berhubung terus secara langsung dengan para pengguna perpustakaan. Keutamaan bahagian ini adalah Kaunter Sirkulasi yang melibatkan pelbagai transaksi utama iaitu peminjaman, pemulangan, tempahan, pembaharuan pinjaman, bayaran denda dan sebagainya. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menguruskan koleksi perpustakaan dari segi susunan di rak dan pengendalian bahan.

Seksyen Sirkulasi merupakan seksyen yang berada di ketiga-tiga cawangan Perpustakaan Laman Hikmah iaitu di semua Kaunter Sirkulasi yang berada di Kampus Induk, Kampus Teknologi dan Kampus Bandar. Seksyen Sirkulasi diterajui oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Puan Siti Saluwa Binti Jamal, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan yang berperanan merancang pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan terutama sekali bagi Seksyen Sirkulasi dengan dibantu oleh seorang Pustakawan Kanan, Pustakawan dan Penolong Pustakawan pula membantu mengurus dan memantau pengoperasian di kedua-dua perpustakaan cawangan.

## STAF UNIT

Sehingga tarikh 31 Disember 2018, bilangan staf yang bertugas di Seksyen Sirkulasi adalah seramai 8 orang yang mewakili semua peringkat jawatan seperti berikut:

Bil.	Jawatan	2018
1.	Pustakawan Kanan	1
2.	Pustakawan	1
3.	Penolong Pustakawan	1
4.	Pembantu Perpustakaan Kanan	5
5.	Pembantu Perpustakaan	9
	<b>Jumlah</b>	<b>15</b>

Secara keseluruhannya, pada tahun 2018, perancangan Seksyen Sirkulasi lebih menumpukan kepada peningkatan perkhidmatan dan kemudahan. Justeru, dalam Perancangan Strategik Seksyen Sirkulasi 2018 telah tersenarai rancangan penambahbaikan dan menaiktaraf ruang-ruang dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan. Antara yang diberi keutamaan adalah ruang-

ruang pengguna di mana ruang-ruang tersebut dicadangkan untuk dinaiktaraf menjadi lebih mesra pengguna, selesa dan pelbagai guna. Namun begitu, projek-projek ini memerlukan peruntukan bajet yang besar di mana proses pelaksanaan tersebut akan dijalankan secara berterusan pada tahun hadapan.

Bagi aktiviti-aktiviti utama Seksyen Sirkulasi seperti peminjaman, pemulangan, tempahan, pembaharuan pinjaman, bayaran denda dan sebagainya, kesemua transaksi ini berjalan seperti biasa dan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan semua perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan memenuhi keperluan dan sentiasa mesra pengguna.

## **PENCAPAIAN**


### **1.0 KEAHLIAN PERPUSTAKAAN**

Keahlian perpustakaan akan didaftarkan secara automatik melalui integrasi Sistem ILMU (*Integrated Library Management Utility*) dan sistem yang dibangunkan oleh pihak PPPK (Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi). Semua maklumat pelajar dan staf akan disalurkan secara automatik dan pelajar tidak perlu lagi mendaftar di Kaunter Sirkulasi, Perpustakaan Laman Hikmah. Pelajar dan staf yang baru mendaftar hanya perlu menunjukkan kad matrik atau kad staf sekiranya ingin meminjam bahan atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan.

Sehingga Disember 2018, sebanyak 14,487 orang pengguna berdaftar sebagai ahli Perpustakaan Laman. Maklumat terperinci mengenai kategori keahlian pengguna perpustakaan adalah seperti jadual di bawah.

## Graf Keahlian Mengikut kategori 2018

### JUMLAH KEAHLIAN MENGIKUT KATEGORI 2018



KATEGORI	Staf Akademik	Staf Pentadbiran	Diploma	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Kedoktoran (PhD)	Keseluruhan
JUMLAH	877	1187	1548	9530	652	14487


## KEAHLIAN LUAR

Keahlian perpustakaan juga terdiri daripada keahlian luar di mana keahlian ini adalah terbuka kepada masyarakat dan organisasi yang berminat untuk menjadi ahli perpustakaan.

Ahli perpustakaan dapat dibahagikan kepada dua iaitu keahlian merujuk dan keahlian meminjam. Keahlian merujuk adalah pengguna tersebut boleh menggunakan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kecuali peminjaman bahan perpustakaan.

Manakala bagi keahlian meminjam pula, pengguna tersebut boleh menggunakan semua perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan termasuk meminjam bahan perpustakaan. Keahlian luar ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan juga dikenakan bayaran- bayaran yang telah ditetapkan.

## GRAF KEAHLIAN LUAR (2012-2018)




Ralat: ahli merujuk 2018 ialah 112 orang dan jumlah keseluruhan ialah 771 Orang

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Jumlah keseluruhan bagi keahlian luar ialah seramai 771 ahli merujuk dan 47 ahli meminjam. Pendaftaran keahlian luar pada tahun **2018** adalah seramai **113 orang** yang meliputi keahlian merujuk adalah seramai **112 orang** dan keahlian meminjam adalah seramai **1 orang**. Ianya merupakan peningkatan sebanyak 29 ahli baru bersamaan 36.59% berbanding pada tahun **2017** berjumlah **84 Orang**.

## 2. KUNJUNGAN PENGGUNA

### STATISTIK JUMLAH PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN 2014 HINGGA 2018




Kunjungan pengguna adalah meliputi kunjungan pengguna secara fizikal dan pengunjung portal perpustakaan (maya). Kunjungan pengguna secara fizikal adalah merujuk kepada kehadiran pengguna ke perpustakaan manakala pengguna maya adalah statistik kunjungan pengguna ke portal Perpustakaan Laman Hikmah.

#### Kehadiran Penggunan 2014-2018

Carta dibawah menunjukkan aliran graf Kehadiran Pengguna sepanjang 4 tahun bermula 2014 hingga 2018. Peningkatan kehadiran pengguna ke perpustakaan adalah sepanjang 3 tahun peningkatan sebanyak 11.76% bagi tahun 2015-16 dan 16.23% bagi 2016.

Bermula tahun 2017, telah berlaku penurunan kehadiran pengguna dengan kemerosotan sebanyak 19.49% kehadiran pengguna. Tahun 2018 juga berlaku penurunan sebanyak - 17.97% pengguna ke perpustakaan.


## GRAF PENGGUNA FIZIKAL



Jadual di atas menunjukkan statistik kunjungan pengguna fizikal bermula tahun 2014 hingga 2018 dengan jumlah keseluruhan pengunjung ialah **1,114,972**.

Kemerosotan pengguna ke perpustakaan merupakan kesan yang dirasai oleh semua institusi pengajian. Kemajuan teknologi yang membolehkan pengguna mengakses maklumat secara atas talian adalah faktor utama kemerosotan ini terjadi. Hakikat ini tidak dapat dinafikan. Trend peminjaman buku fizikal yang memerlukan pengguna hadir ke perpustakaan, terikat dengan denda dan tempoh pinjaman antara punca generasi kini yang lebih cenderung kepada sumber atas talian yang dapat diakses dengan segera tanpa terikat dengan peraturan dan tempoh masa.

## GRAF PENGGUNA FIZIKAL 2017-2018




Pada tahun 2018, jumlah pengunjung yang hadir ke perpustakaan adalah sebanyak 218,236 orang berbanding 240,042 orang pengguna yang berkunjung ke perpustakaan pada tahun 2017. Statistik ini menunjukkan jumlah pengunjung pada tahun 2018 adalah menurun sebanyak 21,806 orang (-9.08%).

Penurunan jumlah kehadiran yang berlaku sebanyak -9.08% pada tahun 2018 ini adalah disebabkan oleh perubahan medium pembelajaran itu sendiri di mana 'Google' banyak mempengaruhi para pengguna dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan. Selain itu, kemudahan wi-fi di mana-mana di sekitar kampus juga memudahkan para pelajar untuk mendapatkan maklumat melalui Internet. Dengan kemudahan pengaksesan Internet yang mudah ini, pengguna dapat mencari maklumat yang diperlukan sama ada di kelas, asrama mahupun di kafe. Justeru, mengakses maklumat di lokasi yang terdekat adalah lebih menjadi pilihan berbanding menuju ke perpustakaan.

## GRAF PENGUNJUNG PORTAL 2014-2018

### JUMLAH PENGUNJUNG PORTAL 2014 HINGGA 2018



TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018	KESELURUHAN
JUMLAH	285,039	302,616	282,158	216,989	156,661	1,243,463


TAHUN	JUMLAH	PERBEZAAN	%
2014	285,039		
2015	302,616	17,577	6.17
2016	282,158	-20,458	-6.76
2017	216,989	-65,169	-23.10
2018	156,661	-60,328	-27.80
<b>JUMLAH</b>	<b>1,243,463</b>		

Kaedah pengiraan yang dilakukan adalah melalui 'Google Analytics'. Jumlah Pengunjung Portal (Maya) bagi tahun 2014 hingga 2018 ialah **1,243,463** pengunjung.

Kehadiran pengguna secara maya juga menunjukkan penurunan pada tahun 2018 dengan 156,661 pengunjung berbanding dengan tahun 2017 mencatatkan 216,989 pengunjung. Perbezaan sebanyak 60,328 atau 27.80%. Penurunan jumlah kunjungan ini adalah kerana pertukaran kaedah pengiraan secara 'hits' kepada 'Google Analytics'.



### 3.0 PINJAMAN BAHAN



	2017	2018	Perbezaan	Peratusan
Jan	747	993	246	33
Feb	1,755	1,689	(66)	-4
Mac	2,821	2,045	(776)	-28
April	2,095	2,387	292	14
Mei	2,782	1,639	(1,143)	-41
Jun	1,355	468	(887)	-65
Julai	609	755	146	24
Ogos	507	419	(88)	-17
Sept	2,002	1,945	(57)	-3
Oktober	2,758	2,740	(18)	-1
November	3,012	2,202	(810)	-27
Disember	2,477	2,120	(357)	-14
Jumlah sehingga Dis	22,920	19,402	(3,518)	-15

**JUMLAH SASARAN PINJAMAN**

Perbandingan Secara Tahunan	2017	2018 sehingga Disember	Perbezaan	Peratusan
	22,920	19,402	(3,518)	-15

#### Graf Statistik Perbezaan Pinjaman 2017 & 2018

Secara keseluruhan, jumlah keseluruhan pinjaman mengikut naskah bagi **tahun 2018** adalah sebanyak **19, 9402 naskah** berbanding dengan pencapaian bagi **tahun 2017** sebanyak **22,920 naskah** dengan perbezaan penurunan sebanyak **3, 518 naskah**. Peratus penurunan adalah sebanyak 15% berbanding tahun 2017. Walaupun beberapa usaha telah dijalankan oleh Perpustakaan Laman Hikmah seperti pameran bahan baru, 'doorstep delivery', Anugerah Peminjam Terbanyak, kemudahan Library Navigator yang memudahkan pengguna mencari bahan di

rak, penggabungan bahan folio bersama bahan-bahan di rak terbuka yang lain yang lebih memudahkan pengguna mendapatkan bahan yang dikehendaki serta pinjaman jangka panjang. Segala usaha ini dijalankan bagi menarik minat pengguna untuk meminjam bahan-bahan yang disediakan di Perpustakaan Laman Hikmah.

Kepesatan teknologi maklumat telah menyebabkan buku elektronik banyak diterbitkan namun ia belum 100% dapat menggantikan kepentingan buku koleksi buku bercetak bagi kebanyakan pelajar Universiti.


Walaupun pembelian buku bercetak terus dilakukan setiap tahun, perpustakaan akademik berhadapan dengan masalah buku yang tidak dipinjam. Menurut Cheung, Chung, dan Nesta (2011), data sirkulasi bagi perolehan buku pada tahun 1995-2009 di Lignan University, Hong Kong menunjukkan, tidak semua buku yang diperolehi oleh perpustakaan dipinjam. Kadar pinjaman pula akan meningkat selepas enam (6) atau tujuh (7) tahun ia berada dalam koleksi. Analisis yang dilakukan oleh Rose-Wiles (2013) terhadap sirkulasi buku di Seton Hall.

University Libraries menggunakan WorldCat dan Voyager mendapati hanya 21% buku dipinjam sepanjang 2005 dan 2009 dan berbeza mengikut bidang. Breslin & McMenemy (2006) pula telah menyenaraikan beberapa faktor kemerosotan pinjaman buku bercetak di perpustakaan seperti kekinian koleksi; lokasi, peraturan dan waktu operasi perpustakaan; minat membaca; keupayaan pelanggan membeli buku sendiri serta faktor kekurangan masa.

#### **4.0 PENGGUNAAN RUANG**

Selain menyediakan perkhidmatan peminjaman dan pemulangan bahan, Perpustakaan Laman Hikmah juga menyediakan kemudahan penggunaan ruang dan bilik bagi semua pengguna perpustakaan di ketiga-tiga kampus. Setiap cawangan menyediakan kemudahan bilik yang boleh digunapakai sama ada ditempah oleh pengguna mahupun pensyarah. Tatacara pengguna bilik ini adalah melalui Sistem Tempahan Bilik menggunakan e-Calendar yang disediakan oleh PPPK. Setiap cawangan akan menguruskan bilik tersebut dengan diuruskan oleh 'admin' yang telah dilantik.

Berikut merupakan statistik penggunaan ruang dan bilik di Perpustakaan Laman Hikmah bagi tahun 2017 dan 2018. Secara keseluruhan, penggunaan ruang dan bilik bagi tahun 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak 28,692 orang iaitu 45%.



STATISTIK PENGGUNAAN RUANG 2017 & 2018 (ORANG)

	2017	2018	Perbezaan	Peratusan
Jan	1,366	2,265	899	66
Feb	3,669	4,566	897	24
Mac	5,973	9,025	3,052	51
April	5,291	11,924	6,633	125
Mei	9,526	10,114	588	6
Jun	3,462	1,353	(2,109)	-61
Julai	1,555	3,546	1,991	128
Ogos	733	1,513	780	106
September	5,251	9,078	3,827	73
Oktober	8,869	14,051	5,182	58
Nov	10,075	13,553	3,478	35
Dis	7297	10771	3474	47.61
Jumlah sehingga Dis	63,067	91,759	28,692	45

## 6.0 KEMUDAHAN MESIN LAYAN DIRI

Bagi memberikan perkhidmatan yang cepat dan mesra pengguna, Perpustakaan Laman Hikmah telah menyediakan perkhidmatan Mesin Layan Diri yang terdiri daripada 'Selfcheck Machine' bagi peminjaman bahan dan 'BookDrop' bagi pemulangan bahan 24 jam. Kedua-dua mesin ini adalah di bawah pengawasan Seksyen Sirkulasi. Sekiranya berlaku kerosakan ataupun masalah pada mesin ini, Seksyen Sirkulasi akan memaklumkan masalah tersebut kepada Seksyen Automasi untuk tindakan selanjutnya.

Jadual di bawah menunjukkan penggunaan Mesin Layan Diri bagi tahun 2017 dan 2018. Pada tahun 2018, penggunaan Mesin Pinjaman Bahan (Selfcheck Machine) adalah sebanyak 2,918 transaksi berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya 6, 003 transaksi. Namun begitu, bagi penggunaan Mesin Pemulangan Bahan (Bookdrop) pula menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2018, 914 transaksi yang dilakukan berbanding 490 transaksi bagi tahun 2017.

Tahun	Mesin Pinjaman Bahan	Mesin Pemulangan Bahan
2017	6, 003	490
2018	2,918	914

Antara faktor kepada penurunan penggunaan Mesin Pemulangan Bahan ini adalah kerana kekerapan mesin tersebut tidak berfungsi adalah kerap. Ini berlaku kerana, sekiranya berlaku kerosakan pada 'Bookdrop' tersebut, pihak perpustakaan akan menghubungi pihak pembekal bagi membaiki mesin tersebut. Ini menyebabkan proses membaiki mesin tersebut mengambil masa yang agak lama kerana pembekal tersebut hanya akan datang sekiranya jadual tidak bertindih atau tidak berada di luar kawasan.

## 7.1 SEWAAN LOKER

Berikut adalah statistik sewaan loker sepanjang tahun 2018 bagi ketiga-tiga kampus.

	JUMLAH LOKER	JUMLAH YANG DISEWA
<b>Kampus Induk</b>	96 loker kecil, 56 loker besar	Semua
<b>Kampus Teknologi</b>	60 buah loker	40 buah loker
<b>Kampus Bandar</b>	102 loker kecil	96 buah loker

Secara keseluruhannya, bagi statistik pencapaian 2018 perkhidmatan dan kemudahan di bawah pengawasan Seksyen Sirkulasi, hanya penggunaan ruang dan bilik sahaja yang menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 2017. Bagi penurunan statistik pinjaman bahan dan kunjungan pengguna, beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut bagi meningkatkan pencapaian statistik kedua-dua perkhidmatan tersebut:

1. Kerjasama daripada pensyarah agar mewajibkan bahan-bahan rujukan bagi pembelajaran atau tugas menggunakan buku-buku yang terdapat di perpustakaan. Pensyarah tersebut boleh mewajibkan buku-buku di Perpustakaan Laman Hikmah sebagai salah satu daripada bahan rujukan yang akan dimasukkan di dalam senarai 'reference' dalam Projek Sarja Muda setiap pelajar.
2. Kerjasama daripada pensyarah juga diperlukan bagi cadangan bahan-bahan rujukan yang akan dijadikan sebagai bahan rujukan pelajar.
3. Peningkatan aktiviti yang menarik dan dapat menarik minat pengguna untuk berkunjung ke perpustakaan.
4. Peraturan perpustakaan yang lebih mesra pengguna dan memenuhi golongan-golongan generasi pengguna terutama Generasi Y dan Z
5. Penambahan ruang santai dan 'meeting point' yang dapat memberikan kemudahan kepada pengguna untuk berdiskusi dengan lebih terbuka.
6. Penambahan soket dan port Internet bagi memudahkan penggunaan komputer riba oleh pelajar.



# PENCAPAIAN PEMBANGUNAN SUMBER

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Penerimaan dan Pengeluaran

Sepanjang tahun 2018, Seksyen Pembangunan Koleksi telah menerima bahan sebanyak **7,273 judul dan 8,327 naskah**. Manakala bagi pengeluaran pula, sebanyak 6,636 judul dan 7,740 naskah telah siap diproses dan dikatalog untuk rujukan pengguna. Jadual 2 menunjukkan jumlah penerimaan mengikut kategori bahan manakala Jadual 3 menunjukkan pengeluaran mengikut kategori bahan.

Jadual 21: Jumlah Penerimaan Bahan 2018

Bil	Kategori Bahan	Jumlah	
		Judul	Naskah
1.	Buku Pembelian	736	757
2.	Buku Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP)	7	9
3.	Buku Sumbangan	762	1,224
4.	Buku Sumbangan (Koleksi UTeM)	88	134
5.	Jurnal Pembelian (Bercetak)	29	441
6.	Jurnal Hadiah (Bercetak)	16	33
7.	Standard	7	7
8.	Projek Sarjana Muda (PSM)	2,363	2,363
9.	Tesis	291	291
10.	Projek Jangka Pendek	86	86
11.	Kertas Soalan Peperiksaan	802	802
12.	Teks Ucapan Naib Canselor	20	20
13.	Buletin	3	63
14.	Nota Kursus / Seminar	31	31
15.	Koleksi Melaka	2	11
16.	Bahan Digital Pembelian	24	29
17.	Bahan Digital Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP)	1	1
18.	Bahan Digital Sumbangan	10	28
19.	Bahan Digital Koleksi UTeM	1,995	1,997
<b>JUMLAH</b>		<b>7,273</b>	<b>8,327</b>

Jadual 22: Jumlah Pengeluaran Bahan 2018

Bil	Kategori Bahan	Jumlah	
		Judul	Naskah
1.	Buku Pembelian	853	1,009
2.	Buku Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP)	7	9
3.	Buku Sumbangan	675	1,076
4.	Buku Sumbangan (Koleksi UTeM)	69	131
5.	Jurnal Pembelian (Bercetak)	30	442
6.	Jurnal Hadiah (Bercetak)	16	33
7.	Standard	7	7
8.	Projek Sarjana Muda (PSM)	1,666	1,666
9.	Tesis	261	261
10.	Projek Jangka Pendek	61	61
11.	Kertas Soalan Peperiksaan	1,160	1,160
12.	Teks Ucapan Naib Canselor	20	20
13.	Buletin	1	22
14.	Koleksi Melaka	2	11
15.	Nota Kursus / Seminar	31	31
16.	Bahan Digital Pembelian	9	14
17.	Bahan Digital Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP)	1	1
18.	Bahan Digital Sumbangan	10	27
19.	Bahan Digital Koleksi UTeM	1,757	1,759
<b>JUMLAH</b>		<b>6,636</b>	<b>7,740</b>

Berdasarkan Jadual 21 dan Jadual 22, terdapat peningkatan jumlah penerimaan dan pengeluaran bahan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 54.7% untuk penerimaan bahan. Manakala pengeluaran bahan pula



terdapat peningkatan sebanyak 12.6%. Semua bahan yang diproses telah dikatalog menggunakan format pengkatalogan **Resource Description Access (RDA)**.

### Perolehan buku

Bahan rujukan yang dipesan merupakan bahan yang telah dicadangkan oleh staf akademik dan akan dibekalkan oleh pembekal yang terpilih kepada PLH. Merujuk kepada Jadual 4, pada tahun 2018 Unit Monograf telah diberikan peruntukkan semasa sebanyak **RM 300,000.00** bagi tujuan membeli bahan rujukan.

Jadual 23: Peruntukkan Buku 2018

Perkara	Nilai (RM)	%
<b>Peruntukkan Tahun Semasa 2018</b>	300,000.00	100
<b>Jumlah Komited</b>	296,906.57	98.97
<b>Jumlah Tanggungan</b>	3,093.43	1.03

Unit Monograf telah membelanjakan 98.97% untuk perolehan bahan sebanyak 736 judul / 758 naskah daripada keseluruhan peruntukan yang diberikan. Peningkatan 16% bagi perbelanjaan yang komited dengan peningkatan 21% (131 judul) daripada tahun 2017.

Jadual 24 menunjukkan jumlah judul dan naskah bagi pesanan serta penerimaan bagi tahun 2018

Jadual 24 : Maklumat Pesanan dan Penerimaan

2017				
	Pesanan		Penerimaan	
<b>Judul</b>	792		736	
<b>Naskah</b>	792		758	
<b>RM</b>	300,000.00		296,906.57	

Daripada jadual di atas, terdapat peningkatan jumlah pesanan dan penerimaan bahan iaitu 21% berbanding tahun 2017.

### **Perolehan Jurnal / Majalah Bercetak (Langganan)**

Pada tahun 2018, 26 judul majalah bercetak telah dilanggan. 24 judul adalah langganan sedia ada dan 2 judul langganan baru dengan nilai **RM3,860.38**. Jumlah langganan ini adalah meningkat sebanyak 10.3% berbanding 2017.

Jadual 25: Jurnal/Majalah Bercetak Terbitan Dalam dan Luar Negara

PERKARA	BILANGAN JUDUL	PEMBAHARUAN LANGGANAN	LANGGANAN BARU
Majalah bercetak	26	24	2

### **Langganan Pangkalan Data**

Tahun 2018, Unit Sumber Elektronik telah melanggan sebanyak 11 judul pangkalan data yang terdiri daripada e-journal, e-book, standard dan perkhidmatan untuk diakses oleh warga UTeM. Jumlah ini adalah kurang 2 judul berbanding jumlah langganan 2017.

Unit Sumber Elektronik telah membelanjakan sebanyak RM 2,104,486.34 bagi melanggan pangkalan data tersebut iaitu 17.7% kurang daripada perbelanjaan 2017. Senarai pangkalan data tersebut serta nama pembekal adalah seperti di Jadual 26.

Jadual 26: Senarai Pangkalan Data dan Harga

Bil.	Pangkalan Data	Jenis	Pembekal
1.	Access Engineering	e-Journal	Access Dunia Sdn. Bhd
2.	Emerald Insight		Emerald Publishing
3.	Science Direct		Elsevier
4.	Ebscohost H.W.Wilson		Ebscohost
5.	ACM Digital Library		Access Dunia Sdn. Bhd
6.	ASME Digital Collection		Access Dunia Sdn. Bhd
7.	Proquest ebook Central (Ebrary)	e-Book	Access Dunia Sdn. Bhd
8.	Knovel		Elsevier
9.	Malaysian Standard Online		SIRIM STS
10.	Serials Solution Summon		Access Dunia Sdn. Bhd
11.	Turnitin	Perkhidmatan	Apex Knowledge Sdn. Bhd.

- Terdapat juga pangkalan data yang dilanggan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pusat Sitasi Malaysia dan boleh diakses oleh semua Universiti Awam. Senarai pangkalan data tersebut adalah seperti di Jadual 27.

Jadual 27: Senarai Pangkalan Data Langganan KPM

Bil	Pangkalan Data	Jenis
1.	Ebsco Academic Search Complete	e-Journal
3.	Scopus	
4.	Proquest	e-book

## Penerimaan Bahan Hadiah dan Sumbangan

Sehingga 31 Disember 2018, penerimaan bahan bacaan secara sumbangan dan hadiah adalah sebanyak 795 judul / 1,292 naskah yang diterima daripada orang perseorangan, agensi luar seperti UA/US, jabatan kerajaan, swasta dan lain-lain lagi. Jumlah ini meningkat 18.8% berbanding penerimaan 2017.

Jadual 28 : Penerimaan Bahan Hadiah Mengikut Jenis

BIL	BAHAN	PENERIMAAN 2018	
		Judul	Naskah
1	Buku (Asal)	408	453
2	Buku (CIP)	354	356
3	Buku (NT)	0	414
4	Buku (I)	0	1
5	Standard	7	7
6	Laporan tahunan	0	0
7	Jurnal/Majalah	16	33
8	Bahan Media	10	28
<b>JUMLAH</b>		<b>795</b>	<b>1,292</b>

## Koleksi UTeM

Koleksi UTeM adalah bahan-bahan yang diterbitkan oleh warga UTeM dan bahan-bahan yang berkaitan dengan UTeM diterbitkan oleh bukan warga UTeM. Sebanyak 5,681 judul / 5,798 naskah telah diterima sepanjang tahun 2018. Jumlah ini meningkat 67.8% berbanding penerimaan 2017.


Jadual 29 : Penerimaan Bahan Hadiah Mengikut Jenis

BIL	BAHAN	PENCAPAIAN 2018	
		Judul	Naskah
1	Buku Terbitan UTeM	88	134
2	Koleksi Melaka	2	11
3	Kertas Seminar	31	31
4	Buletin	3	63
5	Tesis	291	291
6	Projek Sarjana Muda (PSM)	2,363	2,363
7	PJP	86	86
8	Kertas Soalan Peperiksaan	802	802
9	Teks Ucapan Naib Canselor	20	20
10	Bahan Digital	1,995	1,997
	<b>JUMLAH</b>	<b>5,681</b>	<b>5,798</b>

## Karnival / Pesta Buku Perpustakaan Laman Hikmah 2018

Kesinambungan daripada Pesta Buku dan Multimedia UTeM 2017, Karnival dan Pesta Buku Perpustakaan Laman Hikmah diteruskan pada 26 - 29 September 2018 dengan mengekalkan objektif untuk mendapatkan judul-judul bahan rujukan melalui pemilihan bahan dipameran untuk pembelian pada tahun 2019.

Program ini juga telah diangkat sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) jabatan dan projek *Canvas* Perintis bagi menyumbang kepada penjana pendapatan Universiti. Selain itu, ianya juga memberi peluang kepada warga universiti dan komuniti setempat khususnya pencinta buku untuk mendapatkan naskah terkini bahan-bahan bacaan yang terdapat di pasaran secara terus oleh penerbit dan pembekal buku yang terpilih. Program ini juga dilaksanakan hasil gabungan dan Pusat Kelestarian Alam Sekitar (PKA) dalam mempelbagaikan aktiviti sepanjang karnival berlangsung. Antara aktiviti – aktiviti yang telah dilaksanakan adalah;

- 
- i) Pameran Buku dan Jualan
  - ii) Pertandingan Inovasi Produk Kitar Semula
  - iii) Pertandingan Environment Hunt
  - iv) Wheel of Fortune
  - v) Clever Star
  - vi) Ceramah Motivasi
  - vii) Minda Kreatif
  - viii) Indoor Game
  - ix) Virtual Game
  - x) Buskers
  - xi) Environment Fun Run

Kos penganjuran tahun 2018 adalah lebih rendah berbanding dengan penganjuran tahun 2017. Penganjuran tahun 2018 juga telah berjana untuk penjana kewangan seperti berikut;

Pendapatan	:	RM20,615.00
Kos	:	RM13,341.05
Keuntungan	:	RM7,273.95

## Kempen Sumbangan Bahan Bacaan

Kempen bahan bacaan yang bertemakan “Keep A Book Alive” merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi peluang kepada warga UTeM untuk berkongsi bahan bacaan serta membudayakan sikap cintakan buku di kalangan masyarakat.

Di samping itu juga, program ini adalah salah satu langkah bagi mempelbagaikan lagi koleksi bahan perpustakaan yang sedia ada dan satu jaringan perkongsian maklumat di antara pengguna dan perpustakaan.

Untuk tahun 2018, Seksyen Pembangunan Koleksi telah mengorak langkah ke hadapan dengan menempatkan kotak-kotak sumbangan bahan di tempat tumpuan orang ramai seperti di Wisma Negeri Melaka, pusat membeli belah Aeon, Ayer Keroh dan Mydin MITC bermula 1 Ogos sehingga 30 Ogos 2018.

Hebahan program juga telah dibuat melalui surat khabar Melaka Hari ini pada 13 Ogos 2018 bagi tujuan untuk makluman kepada orang ramai berkenaan program tersebut.

Bil	Tempat	Jumlah Bahan	
		Judul	Naskah
1	Pasaraya Mydin, MITC	32	32
2	Pasaraya Aeon, Ayer Keroh	5	5
3	Wisma Negeri, MITC	31	31

## Repositori Universiti (RU)

Repositori Universiti (RU) adalah satu platform pengumpulan maklumat berbentuk digital secara berpusat dan sistematik bagi keseluruhan bahan yang wujud dan mempunyai nilai di UTeM. RU ini akan menjadi sumber maklumat utama dan pembuktian untuk menyokong Universiti bagi tujuan pengauditan dan penarafan oleh *QS World University Rankings*, *Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA)*, Audit Tahunan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) dan Audit Universiti. Selain itu juga bagi keperluan penilaian prestasi akademik menerusi Sistem Penilaian Prestasi Tahunan Akademik (e-PPTA), maklumat penyelidikan di Universiti menerusi *UTeM Research Information System (URIS)*, *e-Curriculum Vitae (ECV)* sebagai rekod dan proses kenaikan pangkat staf serta lain-lain lagi.

Pelaksanaan pembangunan RU ini melibatkan kerjasama pusat tanggungjawab yang diketuai oleh Pejabat Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) yang melibatkan proses pembangunan platform, pembentukan dasar & peraturan dan kawalan keseluruhan kemasukan metadata.

Bagi tahun 2018, PLH telah dipertanggungjawabkan dalam membangunkan dasar dan peraturan RU. Dasar ini digubal bagi memberikan penjelasan mengenai matlamat pewujudan RU sebagai satu platform pengumpulan bahan berbentuk digital secara berpusat dan sistematik yang melibatkan setiap pusat tanggungjawab di Universiti ini. Pelaksanaan ini membolehkan perkongsian maklumat itu berlaku dan bahan dapat diakses dengan lebih mudah, cepat dan tepat di bawah satu sistem RU.



## **Lawatan Delegasi *International Federation of Library Association and Institution* (IFLA) ke Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) UTeM**

*World Library and Information Congress* (WLIC) merupakan persidangan tahunan antarabangsa terbesar dan paling berprestij. Persidangan ini mengumpulkan golongan profesional dalam sektor perpustakaan dan perkhidmatan maklumat dan disertai oleh lebih kurang 4,000 peserta dari seluruh dunia. Persidangan ini membincangkan lebih daripada 200 kertas kerja berkaitan pelbagai isu dalam bidang perpustakaan dan perkhidmatan maklumat yang mana diterjemahkan secara serentak dalam 7 bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Arab, Mandarin, Perancis, Jerman, Rusia dan Sepanyol.

Sempena persidangan tahunan tersebut, turut diadakan lawatan ke beberapa perpustakaan di Malaysia di mana PLH telah dipilih menjadi salah satu destinasi bagi tujuan lawatan delegasi IFLA bersempena dengan WLIC 2018 yang ke-84. Penganjuran persidangan yang bertemakan "*Transform Libraries Transform Societies*" bertujuan untuk berkongsi dan menyalurkan maklumat terkini, idea dan inovasi dalam bidang perpustakaan dan pengurusan maklumat dari pelbagai bidang kepakaran serta memanfaatkan sumber jaringan tersebut dalam usaha membangun masyarakat berilmu pengetahuan.

Seramai 60 orang peserta luar negara dan 11 orang sukarelawan dan media dari Malaysia telah menghadiri lawatan ke PLH. Delegasi telah disambut dengan tarian kebudayaan oleh pelajar UTeM dan seterusnya diadakan sesi bergambar. Turut juga diadakan pameran berkaitan dengan tempat-tempat menarik dan kawasan pelancongan di Negeri Melaka termasuklah makanan tradisional, kebudayaan dan lain-lain oleh Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka. Selain itu, terdapat juga pameran e-Beca oleh CoE-CeRIA dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta delegasi tentang keunikan dan inovasi e-Beca.

Rata-rata mereka memberikan maklum balas yang sangat positif kepada PLH khususnya dan juga Malaysia umumnya. Semoga lawatan sebegini dapat membentuk satu hubungan kerjasama yang positif di antara peserta seluruh dunia, dapat berkongsi amalan terbaik dalam bidang pengurusan pustakawan dan maklumat serta teknologi komunikasi (ICT) di samping dapat menaikkan imej UTeM di mata dunia dan memperkenalkan Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah.



## TAKLIMAT KESEDARAN MS ISO 9001:2015

Taklimat ini telah diadakan pada **5 Julai 2018** jam 3.00 petang bertempat di Bilik Tayangan 1, Aras 2 Perpustakaan Laman Hikmah yang disampaikan oleh Ir. Dr. Mohd Rizal bin Alkahari Timbalan Pengarah PPSKR. Jumlah staf yang hadir adalah seramai 41 orang.

Tujuan utama taklimat ini dilaksanakan adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman mengenai MS ISO 9001: 2015 kepada staf Perpustakaan Laman Hikmah.

Taklimat kesedaran kali ke dua telah dilaksanakan pada **14 September 2018** untuk staf di kampus cawangan iaitu di Kampus Teknologi dan Bandar. Sejumlah 6 orang yang mengikuti taklimat ini.

### AUDIT DALAMAN ISO 9001:2015 PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Pada **25 & 26 Julai 2018**, PLH telah menjalani Audit Dalaman MS ISO 9001: 2015 bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Audit pada kali ini telah diketuai oleh Prof. Madya Norhaziah Md Salleh dan dibantu oleh Encik TG Mohd Faisal Tengku Wook.

Secara keseluruhannya, PLH telah berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang boleh ditambahbaik bagi melancarkan proses kerja di perpustakaan.

Tahniah dan terima kasih kepada semua warga perpustakaan yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang baik sepanjang audit dalam ini berlangsung.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001: 2015 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International telah dilaksanakan pada **20 hingga 21 September 2018** yang lalu bertempat di Perpustakaan Laman Hikmah. Pasukan audit SIRIM yang diketuai oleh Puan Mariam Mohamed Zin dan dibantu oleh Puan Efizan Zamri telah mengaudit Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang memfokuskan kepada skop Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan Laman Hikmah. Wakil Pengurusan bersama-sama pegawai dan staf telah memberikan kerjasama sepenuhnya sehingga program pengauditan ini berakhir.

Hasilnya, SPK Perpustakaan Laman Hikmah berjaya memenuhi keperluan standard MS ISO 9001:2015 dengan hanya menerima 5 peluang penambahbaikan (OFI) tanpa laporan ketakakuran (NCR) dan disyorkan diteruskan tanpa pindaan.

Ucapan tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pegawai dan staf Perpustakaan Laman Hikmah, serta pihak yang berkaitan atas bantuan dan sokongan bagi mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 Perpustakaan Laman Hikmah.

## **TAKLIMAT PENYEDIAAN DASAR, POLISI, GARISPANDUAN DAN PERATURAN**

Taklimat Penyediaan Dasar, Polisi, Garispanduan dan Peraturan telah diadakan pada 24 Oktober 2018, sesi taklimat bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari bertempat di 'Smart Room' Perpustakaan Laman Hikmah (PLH). Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Marsita binti Mohd Taib, Timbalan Pendaftar Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi dan dibantu oleh Encik Mohamad Razali bin Adduman, Penolong Pendaftar Kanan, Seksyen Dasar, Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi. Seramai 16 orang staf yang telah hadir terdiri daripada Timbalan Ketua Pustakawan, Pustakawan Kanan, Pustakawan, Penolong Pendaftar dan staf dari Unit Dasar dan Kualiti, PLH.

Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada para peserta cara-cara untuk membangunkan sesuatu dasar, polisi, garispanduan dan peraturan. Disamping dapat mengetahui perbezaan di antara dasar dan polisi juga kandungan-kandungan yang terkandung di dalamnya. Sewaktu taklimat dijalankan, staf juga diberi peluang bersoal jawab terhadap kemusykilan yang berkaitan dengan dasar, polisi dan garispanduan. Diharapkan taklimat ini dapat memantapkan kefahaman staf dalam melaksanakan dasar dan garispanduan ini nanti.

### **PELAJAR PRAKTIKAL**

Perpustakaan Laman Hikmah setiap tahun dipilih oleh pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM bagi mengikuti program latihan industri. Sepanjang tahun 2018, Perpustakaan Laman Hikmah telah menerima 2 orang pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan untuk mengikuti latihan industri selama 5 bulan bermula 1 Ogos 2018 hingga 31 Disember 2018.



## PERISTIWA-PERISTIWA PENTING 2018



**16 Januari 2018**

Turnitin Training For Academic Staff



**14 Februari 2018**

Bengkel Pembangunan Repositori Digital  
UTeM

اونيورسيتي تیکنیکل ملیسيا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**05 Februari 2018**

Lawatan Delegasi Indonesia bersama  
KYSB



**12 Mac 2018**

Majlis Pelancaran MYREN-X & Inisiatif  
Kampus Pintar UTeM



**03 April 2018**

LHDNM Talk @ Laman Hikmah



**24 April 2018**

Program "Jom Baca Bersama Untuk 10  
Minit"



**08 Mei 2018**  
Taklimat E-Isytihar Harta



**08 Jun 2018**  
Majlis Iftar CIO 1439 H



**12 Jun 2018**  
Program Takbir Raya





**27 Ogos 2018**  
Lawatan Delegasi Macau



**26 - 29 September 2018**  
Karnival/Pesta Buku PLH 2018



**27 September 2018**  
Bengkel Secret Revealed : How To Get  
Published In High Impact Scientific Journals!



**17 Oktober 2018**  
Executive Talk "Transisi Perpustakaan Generasi  
Baru : Memenuhi atau Syok Sendiri?"



**10 Oktober 2018**

Latihan Kebakaran Bangunan PLH & Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan



**21 Disember 2018**

Lawatan Kerja Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## BELANSUNGKAWA

Innalillahi wainailaihi roji'un.... Wahai sahabat, dalam usiamu yang masih muda, semangat masih membara dalam mengejar cita-cita akhirnya kau pergi jua bertemu dengan penciptamu. Sesungguhnya Allah lebih sayang dan rindu dengan mu, Allah ingin bertemu denganmu.

Pada 3 Ogos 2018 kita telah dikejutkan dengan berita sedih yang menyentuh hati, sahabat yang disayangi saudara Khairul Redzwan bin Md Ali (no. staf 01561) telah pergi bertemu Illahi. Almarhum telah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru pada sekitar jam 10.45 malam pada usia yang telah mencecah 34 tahun pada September 2018 lalu. Almarhum telah disahkan menghidap *advanced presacral tumor*.

Almarhum merupakan seorang Pembantu Pustakawan (S19) yang telah dilantik pada 12 Ogos 2008. Beliau telah berkhidmat di Unit Perolehan selama 7 tahun iaitu mulai tahun 2008 hingga tahun 2015. Selepas itu, bagi meningkatkan kemahiran serta laluan kerjaya beliau dalam bidang pustakawan, pihak Pengurusan PLH telah menukarkan beliau ke Seksyen Sirkulasi mulai tahun 2016 hingga Mac 2018. Beliau merupakan seorang staf yang berbakat dalam pembangunan laman sosial dan sebagai seorang jurugambar. Melalui bakat dan kebolehan yang dimiliki, beliau telah ditugaskan untuk membantu Seksyen Rujukan mulai April 2018. Sikap beliau yang mudah mesra dan suka bergurau senda menyebabkan beliau amat disenangi oleh rakan-rakan sekerja.

Selamat jalan sahabat, kisahmu tak akan pernah kami lupakan. Semoga Allah menghapus segala dosa dan kesalahan serta menempatkanmu dalam syurgaNya. Amin...

Sahabat....

Kau hadir sebagai penghibur  
Kau selalu membuat kami merasa  
terhibur walaupun terkadang kami  
seringkali tidak mengerti sikapmu  
Tapi itulah yang membuatkan kau  
Berbeza. Tawamu yang dulu riuh kini  
hilang tinggal kenangan. Semoga  
kau tenang dan damai disana...



Al- Fatihah Khairul Redzwan bin Md Ali

1983-2018



اوپوزرسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA